

## PERUTUSAN

Menteri  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.**

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) sentiasa bergerak bersama-sama dalam menjayakan kegiatan koperasi di Malaysia. Koperasi di sekolah-sekolah merupakan medium terbaik untuk memupuk minat seseorang pelajar bagi menceburi bidang perniagaan. Kewujudan budaya keusahawanan melalui koperasi ini dapat memberikan pendedahan kepada pelajar untuk mengasah bakat keusahawanan mereka. Hasil keuntungan koperasi sekolah juga boleh mendatangkan keuntungan kepada pihak sekolah dalam menambahkan peruntukan kepada perbelanjaan sekolah masing-masing.

Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) juga turut diadakan bersama dengan Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2017. Sambutan kali ini lebih memfokuskan kepada konsep pendidikan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, berintelektual dan berilmu pengetahuan dalam dunia perniagaan dengan menitikberatkan pembentukan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Ini merupakan ciri utama dalam menjayakan hasrat kerajaan bagi meningkatkan pendapatan ekonomi negara yang mampan di masa hadapan. Peranan koperasi sekolah kini bukan sahaja menerapkan prinsip-prinsip dan jati diri berkoperasi, tetapi perlu diperkembangkan supaya mampu menjadi sebuah institusi pendidikan keusahawanan yang berkesan.

Pihak Kementerian mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua guru yang terlibat dalam membangunkan gerakan koperasi sekolah melalui asas pendidikan keusahawanan. Tahniah dan syabas juga ditujukan kepada pihak pentadbir sekolah dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang komited dan bersemangat untuk memikul tanggungjawab dalam menjayakan gerakan koperasi sekolah walaupun sibuk menjalani tugas hakiki masing-masing.

Pihak Kementerian sentiasa optimis dan komited dalam memastikan perkembangan koperasi sejajar dengan halatuju pembangunan negara. Dengan angka keahlian koperasi sekolah yang semakin meningkat, saya percaya bahawa koperasi sekolah mampu membantu kerajaan menangani isu-isu yang berkaitan dengan kepenggunaan. Saya percaya dengan keanggotaan koperasi yang ramai dan rangkaian kedai yang semakin berkembang terutamanya di kawasan luar bandar, mampu membantu kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia. Akhir sekali saya ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Koperasi Sekolah** melalui Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2017.

Sekian, Terima kasih.



**YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN**